



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA SEKTOR KESIHATAN DAN PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN PEGAWAI PERUBATAN

PUTRAJAYA, 17 JULAI 2026 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertanggungjawab memastikan pengurusan sumber manusia sektor awam, termasuk pembangunan kompetensi dan latihan pegawai, dilaksanakan secara profesional, adil, telus dan konsisten selaras dengan dasar serta peraturan yang berkuat kuasa.

Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, setiap pertimbangan dibuat secara menyeluruh berdasarkan fakta, rekod pentadbiran, kepentingan penyampaian perkhidmatan awam serta keperluan rakyat. Pendekatan ini penting bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat bukan sahaja memenuhi kehendak dasar Kerajaan, malah mampu menjamin kelestarian sistem penyampaian perkhidmatan awam untuk jangka panjang.

Tadbir Urus Pengurusan Perjawatan Sektor Kesihatan

Berdasarkan rekod JPA, sekurang-kurangnya sejak tahun 1993, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diperuntukkan perjawatan secara pukal untuk mengagihkan jawatan mengikut keperluan operasi. Manakala, pertimbangan bagi pewujudan perjawatan baharu masih tertakluk di bawah bidang kuasa JPA dan Kementerian Kewangan.

Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, Ketua Pengarah Kesihatan selaku Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan perubatan, pergigian, farmasi, kejururawatan, penolong pegawai perubatan serta profesion kesihatan bersekutu bertanggungjawab menentukan pengagihan, penempatan dan pengisian jawatan di hospital serta fasiliti kesihatan berdasarkan keperluan penyampaian perkhidmatan.

Pendekatan ini membolehkan KKM mengurus sumber manusia sektor kesihatan secara lebih fleksibel, cekap dan responsif bagi memastikan keperluan hospital dan fasiliti kesihatan di seluruh negara dapat dipenuhi dengan lebih berkesan.

Bagi memastikan tadbir urus pengurusan perjawatan sentiasa berada pada tahap terbaik, JPA melaksanakan naziran secara berkala sebagai sebahagian daripada mekanisme pemantauan dan penambahbaikan berterusan.

Berdasarkan dapatan naziran tersebut, JPA mengenal pasti beberapa ruang penambahbaikan khususnya berkaitan pengagihan serta penggunaan perjawatan supaya lebih sejajar dengan keperluan sebenar fasiliti kesihatan. Sehubungan itu, JPA telah mengesyorkan supaya semakan dan pengagihan semula perjawatan dilaksanakan secara berkala agar sumber manusia sedia ada dapat dimanfaatkan secara lebih optimum dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat terus diperkukuh.

Komitmen Kerajaan Memperkukuh Kapasiti Sistem Kesihatan Awam

Komitmen Kerajaan dalam memperkukuh sistem kesihatan awam diterjemahkan melalui pewujudan perjawatan baharu secara berterusan berdasarkan keperluan perkhidmatan serta kemampuan kewangan negara.

Sejak tahun 2019 hingga 2025, JPA telah memperakukan pewujudan sebanyak **53,516 jawatan baharu tanpa tukar ganti (trade-off)** bagi menyokong pengoperasian fasiliti kesihatan baharu, projek naik taraf fasiliti sedia ada serta memperkukuh penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Langkah ini melibatkan implikasi kewangan Kerajaan sebanyak **RM4.5 bilion**.

Selain itu, Kerajaan turut meluluskan pewujudan **12,796 jawatan tetap** bagi tiga skim utama KKM iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi mulai tahun 2022 sehingga 30 Jun 2026 dengan implikasi kewangan sebanyak **RM2.2 bilion**. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan memperkukuh laluan kerjaya petugas kesihatan di samping memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Walau bagaimanapun, pertimbangan JPA tidak hanya tertumpu kepada tiga skim perkhidmatan tersebut. Setiap permohonan daripada KKM turut mengambil kira keperluan **83 skim perkhidmatan lain** yang sama penting dalam memastikan keseluruhan ekosistem kesihatan negara terus berfungsi secara menyeluruh dan berkesan.

Secara keseluruhannya, JPA telah memperakukan pewujudan **66,312 jawatan baharu tanpa tukar ganti** kepada KKM dengan implikasi kewangan berjumlah **RM6.7 bilion**. Jumlah tersebut tidak termasuk jawatan baharu yang diwujudkan melalui penstrukturan organisasi seperti Bahagian Kesihatan Digital, Bahagian Transformasi Kesihatan dan pengukuhan Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kesihatan negara.

Pada masa yang sama, JPA bersama Kementerian Kewangan sedang meneliti permohonan pewujudan **13,000 jawatan baharu tanpa tukar ganti** bagi menyokong pengoperasian **256 fasiliti kesihatan baharu dan yang dinaik taraf**, dengan anggaran implikasi kewangan sebanyak **RM1.25 bilion**.

Fakta-fakta ini menunjukkan bahawa usaha memperkukuh sistem kesihatan awam sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan. Pewujudan jawatan baharu, pengukuhan laluan kerjaya petugas kesihatan serta pembangunan fasiliti kesihatan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan rakyat terus menerima perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

Cabaran Semasa: Bukan Lagi Sekadar Mewujudkan Jawatan

Berdasarkan Petunjuk Kesihatan Malaysia 2025 yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk di peringkat nasional kini berada pada sekitar **1:403**, sekali gus mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2026.

Walau bagaimanapun, pencapaian tersebut tidak bermaksud semua fasiliti kesihatan mempunyai kapasiti sumber manusia yang sama. Terdapat perbezaan yang ketara dalam taburan Pegawai Perubatan antara negeri dan wilayah. Sebagai contoh, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk di Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah sekitar **1:19**, jauh melebihi purata nasional.

Statistik ini menunjukkan bahawa cabaran semasa bukan lagi semata-mata berkaitan pewujudan jawatan baharu. Sebaliknya, **cabaran kini tertumpu kepada aspek pengagihan, penempatan dan penggunaan sumber manusia secara optimum** supaya setiap hospital dan fasiliti kesihatan mempunyai kapasiti yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Dalam konteks ini, pembangunan kepakaran Pegawai Perubatan turut memainkan peranan penting. Sistem latihan kepakaran perlu dilaksanakan secara terancang bagi memastikan lebih ramai Pegawai Perubatan berpeluang mengikuti latihan, menamatkan pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan dan kembali berkhidmat sebagai pakar di fasiliti kesihatan seluruh negara.

Memperkukuh Pengurusan Jawatan Simpanan Latihan

Hasil naziran JPA mendapati pengurusan Jawatan Simpanan Latihan (JSL) masih mempunyai ruang untuk diperkukuh, khususnya dalam mempercepatkan proses penyuraian Pegawai Perubatan yang telah menamatkan latihan kepakaran supaya dapat ditempatkan semula ke hospital dan fasiliti kesihatan dalam tempoh yang lebih singkat. Langkah ini penting bagi membolehkan Jawatan Simpanan Latihan dikosongkan dan

digunakan semula oleh Pegawai Perubatan lain yang layak mengikuti latihan kepakaran.

Berdasarkan rekod semasa, proses penempatan semula Pegawai Perubatan selepas menamatkan latihan kepakaran mengambil masa antara **tiga (3) hingga dua belas (12) bulan** sebelum mereka dapat diagihkan ke fasiliti kesihatan. Tempoh ini memberi implikasi kepada kitaran penggunaan Jawatan Simpanan Latihan kerana jawatan tersebut tidak dapat dimanfaatkan semula dengan segera oleh Pegawai Perubatan lain yang sedang menunggu peluang mengikuti latihan kepakaran.

Di samping itu, kadar **Graduate On Time (GOT)** bagi Pegawai Perubatan yang mengikuti latihan kepakaran kini adalah sekitar **46 peratus**. Ini bermaksud, daripada setiap 100 Pegawai Perubatan yang mengikuti latihan kepakaran, secara purata hanya 46 orang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Keadaan ini memberi implikasi langsung kepada pengurusan Jawatan Simpanan Latihan apabila pegawai yang masih belum menamatkan latihan terus menggunakan jawatan tersebut melebihi tempoh yang dirancang, sekali gus mengehadkan peluang Pegawai Perubatan lain untuk mengikuti latihan kepakaran.

Sehubungan itu, JPA berpandangan proses pemilihan calon, pemantauan pelaksanaan latihan serta pengurusan Jawatan Simpanan Latihan perlu terus diperkukuh bagi memastikan pegawai yang dipilih benar-benar bersedia dan berupaya menamatkan latihan dalam tempoh yang ditetapkan. Langkah ini akan membantu meningkatkan kadar **Graduate On Time (GOT)**, mengoptimumkan penggunaan Jawatan Simpanan Latihan, mempercepatkan laluan latihan Pegawai Perubatan baharu serta meningkatkan ketersediaan pakar di hospital dan fasiliti kesihatan.

Pendekatan ini bukan bertujuan mengehadkan peluang latihan kepakaran. Sebaliknya, matlamatnya adalah untuk memastikan lebih ramai Pegawai Perubatan berpeluang mengikuti latihan, lebih ramai pakar menamatkan pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan, dan lebih ramai pakar dapat kembali berkhidmat kepada rakyat dalam tempoh yang lebih cepat.

Cabaran semasa bukan lagi sekadar mewujudkan lebih banyak jawatan atau menambah slot latihan kepakaran, tetapi memastikan setiap jawatan, setiap peluang latihan dan setiap pakar dapat dimanfaatkan secara optimum demi penyampaian perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat.

Pelaksanaan Program Latihan Kepakaran Pegawai Perubatan

Pembangunan kepakaran Pegawai Perubatan merupakan antara komponen terpenting dalam memastikan sistem kesihatan awam negara terus berdaya tahan serta mampu memenuhi keperluan rakyat yang semakin meningkat. Sehubungan itu, JPA bertanggungjawab memastikan setiap pertimbangan

berkaitan kemudahan cuti belajar dan latihan kepakaran dilaksanakan secara adil, telus, konsisten serta berpandukan dasar dan peraturan yang berkuat kuasa.

Berhubung pelaksanaan **Program Latihan Kepakaran Lanjutan (Tawaran C) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Sesi 2026/2027**, berikut merupakan fakta serta kronologi pertimbangan yang telah dilaksanakan.

KKM telah memperuntukkan sebanyak **400 slot latihan** bagi Program Latihan Kepakaran Lanjutan Sesi 2026/2027. Daripada **672 permohonan** yang diterima, seramai **307 pegawai** telah memenuhi syarat umum, syarat khusus bidang kepakaran serta penilaian profesional yang ditetapkan sebelum ditawarkan mengikuti program tersebut.

Bagi memberi peluang kepada lebih ramai Pegawai Perubatan mengikuti latihan kepakaran, KKM melalui surat bertarikh **8 Jun 2026** telah memohon pertimbangan khas daripada JPA supaya penilaian prestasi sepanjang tempoh **Supervised Work Experience (SWE)** boleh digunakan sebagai tambahan kepada keperluan dua tahun **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)** selepas pewartaan.

Setelah penelitian dibuat, JPA telah memberikan pertimbangan khas dengan membenarkan penilaian prestasi sepanjang tempoh SWE digunakan sebagai tambahan kepada dua tahun LNPT. Pertimbangan tersebut juga tidak tertakluk kepada syarat genap **12 bulan kalendar** sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa Dalam Perkhidmatan**.

Pertimbangan khas ini telah membolehkan **35 Pegawai Perubatan tambahan** ditawarkan mengikuti Program Latihan Kepakaran Lanjutan, sekali gus meningkatkan jumlah keseluruhan penerima tawaran daripada **307 kepada 342 orang**.

Semakan silang yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Latihan JPA bersama Bahagian Perkembangan Perubatan KKM kemudiannya mendapati **15 daripada 35 pegawai** yang berjaya melalui pertimbangan khas tersebut merupakan sebahagian daripada kumpulan rayuan. Baki **108 pemohon** pula didapati masih tidak memenuhi syarat umum dan/atau syarat khusus bidang kepakaran yang telah ditetapkan.

Proses pemilihan bagi mengikuti Program Latihan Kepakaran Lanjutan tidak ditentukan oleh satu syarat sahaja. Sebaliknya, setiap permohonan dinilai secara menyeluruh berdasarkan syarat umum, syarat khusus bidang kepakaran, penilaian profesional serta ketetapan yang berkuat kuasa bagi memastikan setiap calon diberikan layanan yang adil, telus dan konsisten.

Seterusnya, melalui surat bertarikh **26 Jun 2026**, KKM sekali lagi mengemukakan permohonan supaya markah **LNPT tahun 2025** digunakan

bagi melengkapkan keperluan tiga tahun LNPT. Setelah penelitian dibuat, JPA memutuskan supaya pertimbangan terdahulu dikekalkan bagi sesi pengajian **2026/2027**. Pada masa yang sama, KKM turut disyorkan membawa baki **58 slot latihan** yang tidak dapat diisi kepada sesi penawaran tahun hadapan.

Setiap pertimbangan yang dibuat oleh JPA dilaksanakan mengikut tatacara pentadbiran yang berkuat kuasa serta disokong oleh rekod dan dokumentasi rasmi bagi memastikan integriti, kebolehkesanan dan akauntabiliti dalam setiap proses membuat keputusan.

Komitmen JPA

JPA akan terus bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memperkukuh pembangunan sumber manusia sektor kesihatan melalui pewujudan perjawatan, pengurusan latihan kepakaran serta penambahbaikan tadbir urus yang berterusan demi memastikan sistem kesihatan awam negara kekal mampan dan berdaya saing.

JPA percaya bahawa pembangunan kepakaran Pegawai Perubatan dan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat bukanlah dua matlamat yang bercanggah. Sebaliknya, kedua-duanya perlu diurus secara seimbang melalui perancangan sumber manusia yang menyeluruh, tadbir urus yang mantap serta kerjasama erat antara semua agensi Kerajaan.

JPA kekal komited melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan secara profesional, telus dan berintegriti berpandukan dasar serta peraturan yang berkuat kuasa, dengan setiap keputusan sentiasa berpaksikan kepentingan rakyat serta kelestarian sistem kesihatan awam negara.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 17 Julai 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (52)